

06 OCT 1997

Parlimen-Jerebu

MALAYSIA MAHU INDONESIA TUNJANGI PELAN TINDAKAN JEREBU ASEAN

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Malaysia hari ini meminta Indonesia menunjangi usaha memastikan kelancaran pelaksanaan pelan Asean bagi menangani pencemaran merentasi sempadan di peringkat serantau yang dirumuskan pada awal 1995.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Asean, bermula dengan Indonesia, perlu mengerahkan seluruh tenaga dan kekuatan yang ada untuk menggerakkan pelan tindakan itu yang merumuskan beberapa strategi menangani pencemaran merentasi sempadan khususnya masalah jerebu.

"Kita terus menggesa supaya pelan tindakan di peringkat Asean ditunjangi oleh Indonesia dapat bergerak lancar dengan dikerahkan seluruh tenaga dan kekuatan yang perlu bermula dari Indonesia," katanya ketika meminta Dewan Rakyat menanggungkan persidangannya hari ini bagi membincangkan usul mengenai jerebu yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mesyuarat ketiga penggal ketiga persidangan Dewan Rakyat yang kesembilan yang bermula hari ini telah ditangguhkan bagi membolehkan masalah jerebu dibincangkan secara panjang lebar oleh anggota-anggotanya melalui usul Perdana Menteri itu.

Ini merupakan kali pertama Dewan Rakyat berbuat demikian. Malaysia mula mengalami masalah jerebu pada 1991 tetapi keadaan sejak beberapa bulan lepas adalah luar biasa dan paling teruk sehingga kerajaan terpaksa mengisytiharkan darurat jerebu di Sarawak pada 23 Sept lepas.

Anwar, yang mewakili Perdana Menteri, berkata Malaysia telah mengemukakan pendirian yang sangat tegas sejak awal 1990 mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bersama oleh negara-negara anggota Asean bagi menangani masalah jerebu, termasuk mewujudkan perjanjian serantau untuk menangani jerebu khususnya bagi Indonesia.

Katanya, kali terakhir pendirian tegas itu disuarakan adalah pada mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Asean mengenai Alam Sekitar (ASOEN) dari 8 hingga 10 Sept lepas di Cebu, Filipina dan mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar Asean dari 17 hingga 18 Sept lepas di Jakarta, Indonesia.

Bagi pihak Malaysia, beliau berkata, kerajaan telah, sedang dan akan mengambil semua langkah dan menggunakan segala dana serta mengerahkan kegiatan dan jentera yang wujud untuk memastikan kelancaran pelaksanaan pelan tindakan itu.

"Kita harus mengambil iktibar dan pengalaman ini. Sebab itu kesedaran rakyat, keseluruhan jentera kita harus meningkat dan soal kesihatan awam dan alam sekeliling harus terus menjadi agenda utama di negara kita," katanya.

Katanya, Malaysia menghargai langkah-langkah positif Indonesia dalam menangani masalah kebakaran hutan di republik itu yang menjadi penyumbang utama kepada masalah jerebu di rantau ini terutama Malaysia.

"Penghargaan juga saya berikan kepada semua rakan-rakan yang berganding bahu untuk memadamkan kebakaran di Indonesia dan lakukan apa yang perlu untuk atasi masalah jerebu ini," katanya.

Mengenai keluhan dan rasa tidak puas hati para pemimpin dan rakyat negara ini dengan sikap Indonesia dalam menghadapi masalah kebakaran hutan sehingga mengakibatkan jerebu, Anwar berkata, Malaysia menghargai hubungan baiknya dengan Indonesia.

"Sebab itu kita telah mengambil inisiatif untuk mengajak seluruh jentera agensi yang ada di negara ini, negara-negara Asean dan

negara-negara lain bekerjasama dengan pihak berkuasa Indonesia.

"Kita harus menumpukan perhatian sepenuhnya dalam masalah ini dan menangani masalah ini dan tidak di sebaliknya untuk menimbulkan suasana yang keruh dan mempersulitkan kerjasama-kerjasama untuk mencari penyelesaian," katanya.

Sambil menegaskan betapa perlunya hubungan baik antara Malaysia dan Indonesia terus dikekalkan, beliau berkata, tidak ada sebab bagi mana-mana pihak mempertikaikan kesungguhan kerajaan Indonesia untuk menangani masalah itu.

Anwar berkata, kerajaan memandang berat masalah jerebu yang melanda rantau ini terutama ancamannya kepada negara daripada segi alam sekitar, ekonomi, sosial dan kesihatan rakyat serta ancaman dan gangguan kepada pengangkutan udara dan laut.

"Kerajaan sedar kesan jerebu terhadap kesihatan orang awam, kerugian-kerugian besar yang ditanggung oleh rakyat dan negara akibat terjejasnya kegiatan ekonomi, kesan negatif kepada eko-sistem alam sekitar kita secara keseluruhannya dan lain-lain lagi.

"Data-data sedang dikumpul dan kajian-kajian terperinci sedang dilaksanakan untuk meneliti perkara ini dengan lebih terperinci bagi membolehkan tindakan susulan seterusnya diambil," katanya.

Katanya, masalah jerebu di negara ini, yang punca utamanya adalah kebakaran hutan, kawasan pertanian dan tanah gambut seluas 800,000 hektar di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia, belum berakhir kerana ia bergantung kepada peredaran angin dan kedatangan musim tengkujuh.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat supaya berwaspada dan sentiasa memberi kerjasama kepada usaha kerajaan terutama dengan mengikuti nasihat yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan yang berkenaan dari semasa ke semasa.

"Bagi pihak kerajaan, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang sanggup menghadapi bahaya dan berganding bahu dengan rakan mereka dari Indonesia untuk memadamkan kebakaran hutan di sana," katanya.

JPBM telah menghantar seramai 1,210 anggotanya ke kawasan-kawasan kebakaran hutan dan tanah gambut di Indonesia di samping 24 anggota Pasukan Khas Mencari dan Menyelamat Malaysia (SMART). -- BERNAMA

AH MAI NMO